

KETUA HAKIM NEGARA
MAHKAMAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA
KUALA LUMPUR



CHIEF JUSTICE
FEDERAL COURT
MALAYSIA
KUALA LUMPUR

KHN. 36

17 Julai 2000

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan dan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi

Yang Arif-Yang Arif,

Pindaan Kepada Kod Etika Hakim 1994

Saya lampirkan pindaan kepada Kod Etika Hakim 1994 yang telah diwartakan pada 12 Jun 2000 untuk makluman dan tindakan Yang Arif.

Yang Arif yang berkenaan hendaklah mengambil tindakan segera mematuhi kehendak perenggan 4 yang baru iaitu -

- (a) memastikan namanya dipadam dari nama firma peguamnya;
- (b) memastikan namanya tidak lagi digunakan di dalam kepala-kepala surat firma tersebut; dan
- (c) memastikan yang dia tidak lagi berurusan dengan firma tersebut atau dengan mana-mana peguam di dalam firma tersebut.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(TUN MOHD. EUSOFF BIN CHIN)
Ketua Hakim Negara Malaysia

s.k. Y.A.A. Presiden Mahkamah Rayuan

“ Y.A.A. Hakim Besar Malaya

“ Y.A.A. Hakim Besar Sabah & Sarawak

“ Y.A. Pesuruhjaya Kehakiman



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 44
No. 12

12hb Jun 2000

TAMBAHAN No. 37
PERUNDANGAN (B)

P.U. (B) 182.

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

KOD ETIKA HAKIM (PINDAAN) 2000

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (3A) Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong atas syor Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim-Hakim Besar Mahkamah-Mahkamah Tinggi, dan selepas berunding dengan Perdana Menteri, meminda Kod Etika Hakim 1994:

Nama: Pindaan ini bolehlah dinamakan Kod Etika Hakim (Pindaan) 2000.

Pindaan perenggan 3(2):
1. Perenggan 3 Kod Etika Hakim, (selepas ini disebut sebagai Kod ini) adalah dipinda dengan menggantikan perenggan kecil (2) dengan perenggan kecil (2) yang baru seperti yang berikut:

“(2) Bagi maksud perenggan (1)(h), “waktu pejabat” ertinya waktu pejabat biasa (tidak termasuk waktu bekerja berperingkat) yang terpakai kepada pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan di mana-mana Negeri atau di Wilayah Persekutuan di mana seseorang Hakim itu ditempatkan.”

Perenggan 4
baru

2. Kod ini adalah dipinda dengan memasukkan perenggan 4 baru selepas perenggan 3—

"Hakim
sebelum
hubungannya
dengan firma
amalannya
semasa
pelantikan

4. Seseorang Hakim hendaklah, semasa pelantikan, menghentikan hubungannya dengan firma di mana dia mengamalkan diri sebagai peguambela dan peguamcara sebelum dilantik. Untuk tujuan ini, Hakim itu hendaklah mengambil tindakan-tindakan berikut:

(a) memastikan namanya dipadam dari nama firma tersebut;

(b) memastikan namanya tidak lagi digunakan di dalam kepala-kepala surat firma tersebut; dan

(c) memastikan yang dia tidak lagi berurusan dengan firma tersebut atau dengan mana-mana peguam di dalam firma tersebut."

Diperbuat 24 Mei 2000.
[JK/MA 289: PN(PU)540]

Dengan Titah Perintah,

TAN SRI ABDUL HALIM ALI
Setiausaha Jemaah Menteri

FEDERAL CONSTITUTION

JUDGES' CODE OF ETHICS (AMENDMENT) 2000

In exercise of the powers conferred by Clause (3A) of Article 125 of the Federal Constitution, the Yang di-Pertuan Agong on the recommendation of the Chief Justice, the President of the Court of Appeal and the Chief Judges of the High Courts, and after consulting the Prime Minister, amends the Judges' Code of Ethics 1994:

Citation: This amendment may be cited as the **Judges' Code of Ethics (Amendment) 2000**.

Amendment of
paragraph
5(1)

1. Paragraph 3 of the Judges' Code of Ethics 1994, (herein after referred to as the Code) is hereby amended by substituting for sub-paragraph (2) the following new sub-paragraph (2):

"(2) For the purpose of paragraph (1)(h) "office hours" means the normal office hours (which do not include staggered working hours) applicable to the Federal Government officers in the State or in Wilayah Persekutuan where the Judge is stationed."

New paragraph 2. The Code is amended by inserting after paragraph 3, the following new paragraph 4—

“Judge ceases to have any connection with his practising firm on appointment” 4. A judge shall, on his appointment, cease to have any connection with the firm where he was practising as an advocate and solicitor prior to his appointment. For this purpose, the judge shall take the following steps:

(a) to ensure that his name is removed from the firm's name;

(b) to ensure that his name does not appear in the firm's letterheads; and

(c) to ensure that he has no dealing with the firm or any member of the firm.”

Made 24 May 2000.
[JK/MA 289; PN(PU²);540]

By Command,

TAN SRI ABDUL HALIM ALI
Secretary to the Cabinet